

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)33**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

33. Berapakah jumlah keseluruhan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di Negeri Pulau Pinang? Berikan angka tersebut mengikut kategori tokong Cina, tokong Hindu, kuil Sikh dan lain-lain RIBI.
- (a) Berapakah jumlah RIBI yang sah dari segi bangunan dan pemilikan tanah di bawah rumah ibadat dan berapakah yang tidak sah?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

33. Berdasarkan maklumat yang telah diperolehi dan direkodkan oleh pihak Perbadanan Harmoni Pulau Pinang (HARMONICO), setakat November 2024 sistem eRIBI telah merekodkan maklumat dan data sebanyak 1,164 buah RIBI. Untuk makluman, sejumlah 950 maklumat RIBI telah disahkan, manakala 214 masih bawah proses pembersihan data.

Taburan RIBI mengikut kategori agama yang telah disahkan adalah seperti berikut:

<b>KATEGORI RIBI</b>	<b>JUMLAH</b>
----------------------	---------------

Tokong Tao	: 444 Buah
Kuil Hindu	: 168 Buah
Gereja Kristian	: 169 Buah
Tokong Buddha	: 104 Buah
Wat Siam / Kemboja	: 7 Buah
Gurdwara Sikh	: 6 Buah
Lain-Lain	: 52 Buah
Jumlah Keseluruhan	: 950 Buah

Kini, data bersih bagi maklumat RIBI berdasarkan Sistem eRIBI adalah sebanyak 950 buah RIBI setakat November 2024. Namun, usaha pengumpulan data dan maklumat inventori RIBI masih dalam proses pelaksanaan Pangkalan Data dan Maklumat RIBI dalam Sistem eRIBI.

Akan tetapi, pendaftaran sesebuah institusi keagamaan boleh tertakluk bawah Akta Perlembagaan atau Warta Kerajaan / Pendaftaran bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) ataupun Pendaftaran bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Senarai Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang berdaftar dan telah disahkan dalam Sistem eRIBI setakat November 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

(a) Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyatakan bahawa sebanyak 164 buah RIBI telah diperakui kelulusannya bagi Permohonan Pelan Bangunan (PB) bagi kerja-kerja pembinaan / penyelenggaraan RIBI diseluruh Negeri Pulau Pinang. Namun, turut didapati bahawa sebanyak 50 buah RIBI telah didirikan tanpa kelulusan PBT.

Senarai Kelulusan Permohonan Pelan Bangunan (PB) oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti di **LAMPIRAN B** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Jawatankuasa Penyelarasan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Pulau Pinang merekodkan bahawa sebanyak 129 kelulusan

tapak RIBI bagi tujuan keagamaan melalui pembelian, pajakan / sewaan, serta pemberimilikan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) setakat November 2024.

Senarai Kelulusan Tapak RIBI daripada Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN C** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.